

Pasar Borong KL digempur lagi

DBKL teruskan tindakan terhadap warga asing di kawasan berkenaan

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
SELAYANG



Tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing diteruskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Pasar Borong Kuala Lumpur menerusi tindakan khas di pasar borong berkenaan pada Selasa.

Sebanyak sembilan tindakan sita peralatan barangan perniagaan dikendalikan warga asing dilakukan melalui Jabatan

Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam satu kenyataan memaklumkan, tindakan sita terhadap peniaga warga asing terbabit diambil di bawah UUK 3(1), Undang-undang Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

"DBKL juga turut melaksanakan satu tindakan pindah halangan di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya menerusi Facebook pada Selasa.

Menurutnya, DBKL juga mengeluarkan dua notis tawaran kompaun di bawah UUK 3(1), Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 bagi kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah.



Anggota penguat kuasa DBKL mengangkat barang jualan warga asing yang disita di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Selasa.

Katanya, PBT berkenaan turut mengeluarkan tiga notis penguatkuasaan di bawah Seksyen 46(1)(a), Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974 bagi kesalahan mendirikan struktur tanpa kebenaran.

"Kesemua barangan yang disita dan dipindah halangan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi," kata kenyataan itu.

INFO

- Terletak di Selayang
- Mempunyai 448 gerai

DBKL menambah, pihak berkuasa tempatan itu juga akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.

Untuk rekod, lebih 1,500 pekerja dan peniaga warga asing berjaya dikeluarkan daripada Pasar Borong Kuala Lumpur antara Mac 2020 hingga Disember 2020 menerusi program pemutihan yang dijalankan DBKL.

Tindakan tersebut dibuat menerusi pemerkasaan Undang-undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002 ketika penularan Covid-19.